

Kebudayaan Islam

Pengaruh Islam dalam Kebudayaan dan Alam Sepanyol

Warisan penaklukan Sepanyol oleh bangsa Arab masih dapat dilihat di beberapa kota-kota besarnya – di Cordoba (Qurṭubah), di Toledo (Ṭulayṭulah), di Saragossa (Sarqusah), akan tetapi yang terbanyak ialah di Granada (Gharnāṭah) dan Seville (Ishbilyah) – dua batu permata yang indah dalam kalung yang masih tetap terkenal sehingga sekarang ini sebagai daerah Andalusia. Andalus (al-Andalus) adalah nama yang telah diberikan oleh bangsa Arab kepada daerahnya yang letaknya paling ke sebelah Barat dari negaranya itu, selama daerah itu telah mereka duduki dari abad kedelapan sehingga abad kelima belas. Dalam masa pendudukan bangsa Arab itu, daerah ini telah memperkembangkan kebudayaan dan kesenian, perkilangan dan perniagaan yang berkesan untuk seluruh Eropah.

(oleh: al-Matjul – diterjemahkan dari bahasa Inggeris oleh A. B. Husni)

Barangkali, Granadalah salah sebuah kota yang terbesar di Sepanyol. Kota ini jatuh ke tangan pasukan senjata dari tentera Aragon dan Castille pada tahun 1492 (di dalam tahun itu juga Columbus mendapati Amerika) dan kejatuhan kota ini besar maknanya sebagaimana juga besar maknanya tahun 1453, yakni tahun kejatuhan kota Konstantinopel kepada kaum-kaum ‘Uthmān. Maka adalah satu keanehan dari sejarah, bahawa kota ini, kota besar yang penghabisan berada di tangan khalifah-khalifah di sebelah Barat, telah jatuh pula dalam masa yang tak berapa lama antaranya dari kejatuhan kota penghabisan yang terbesar yang berada di dalam tangan kaisar-kaisar di bahagian Barat.

Penaklukan Sepanyol dimulai dalam tahun 711 M. Pemimpin dari angkatan yang pertama yang beroleh kejayaan menyeberangi selat-selat dari Afrika Utara adalah Ṭariq dan tempat di mana ia mendarat di semenanjung itu sampai sekarang ini masih mengandungi namanya – Gibraltar (dalam bahasa Arab *Jabal*


Ṭariq). Mengikuti tauladan dari angkatan Ṭariq, lain-lain ketenteraan pun menurut dan dengan kedatangan mereka itu, sebagaimana yang ditulis oleh Gibbon: “Sepanyol yang telah disepuh dengan berjaya dengan darah-darah Pheonix, dan Roman, dan Gothik itu, dalam beberapa masa keturunan sahaja telah menghirup pula hawa alam Arab (alam Islam) dan kini telah mempergunakan pula nama dan adat istiadat bangsa Arab.” Bangsa Gothik yang menyerang masuk dari bahagian Utara, yang telah mengusir bangsa-bangsa Roman kerana kelalaian mereka itu, dengan sendirinya mereka ini pula telah menjadi lalai dan merosot dan tentulah tidak dapat mengimbangi penyerang-penyerang baharu yang gagah perkasa yang datangnya dari sebelah selatan ini. Akan tetapi bukanlah hanya dengan kejayaan-kejayaan penyerang-penyerangnya itu sahaja yang orang-orang Arab mendapat nama yang harum di Sepanyol itu. Tentangan dari sebuah negara baharu yang kaya dan indah membuktikan dorongan yang besar bagi kebudayaan di masa keadaan aman. “Di dalam masa dua

abad sahaja lamanya” demikian antara lain yang dinyatakan mula-mula oleh Gibbon. “Kurnia-kurnia alam telah diperkembangkan dengan pertanian, perkilangan, dan perdagangan dari suatu rakyat yang cinta perindustrian. Bangsa Arab bekerja keras, mereka itu mengusahakan perkembangan pertanian, mereka itu mendirikan gedung-gedung dan mereka itu meluaskan ilmu-ilmu pelajaran dan pengetahuan. Di dalam masa yang sungguh sangat singkat sahaja, mereka itu telah menciptakan suatu masyarakat yang makmur dan cintakan kesenian, yang hanya pada ketika itu cuma dapat menandingi Baghdad, di dalam hal kemasyhuran dan pengaruhnya. Sebenarnya, boleh kita katakan, bahawa batu besar yang telah ditegakkan di Baghdad untuk menciptakan kebesaran kebudayaan dan kesenian Islam telah bertumpu ke Andalus untuk mencapai punca ketinggiannya. Oleh kerana di Cordoba, Toledo, Granada dan Seville lah yang ahli-ahli cerdik pandai bangsa Arab telah menyumbangkan beberapa pendapat-pendapat mereka itu yang bererti untuk kebudayaan dan kesenian dunia. Demikian juga hal yang boleh dikatakan di dalam lapangan perkilangan. Besi waja Toledo telah mendapat kemasyhuran seluruh dunia; apa yang dinamakan kaca-kaca Hispano-Moresco dengan cahaya logam emas gilang-gemilang yang luar biasa itu, telah menjadi benda rebutan yang sangat berharga dimiliki oleh orang-orang yang mengumpulkannya. Kain-kain sutera itu juga adalah sangat disukai benar dan demikian juga hasil buah tangan dari pandai-pandai emasnya, sedang Cordoba pula teristimewa sudah terkenal dengan kulit-kulitnya, yang dinamakan Cordoba atau Cordiban, dari perkataan mana telah tertarik perkataan Inggeris Cordwainers Company. Akan tetapi di dalam bangunan gedung-gedung mereka itulah yang dapat kita perhatikan dengan mudah dewasa ini tentang besarnya dan luasnya erti hasil-hasil yang telah dapat dicapai oleh orang-orang Arab di Sepanyol, suatu hasil, yang lebih-lebih lagi dapat dibanggakan di kota-kota Granada dan Seville .

Granada pula, harus kita sebutkan di sini,

beruntung telah mempunyai tempat letak yang indah sekali. Ibn Baṭūṭah salah seorang dari beberapa banyak pengembara bangsa Arab yang telah luas pengembaraannya di dalam abad pertengahan (dia ditaksir sudah berjalan lebih dari sepanjang 75,000 batu di dalam pengembaraan-pengembaraannya – satu hal yang patut dibanggakan ketika itu), tidak dapat berjeda menyenangkan diri, setelah ia kembali ke tempat tumpah darahnya di Tangier dari perjalanan-perjalanannya ke Makkah, Baghdad, Delhi, Peking dan beberapa ratus buah kota-kota yang lain di bahagian Timur, sebelum ia dapat melihat daerah tanah Arab yang akhir iaitu Andalus. Oleh sebab itu pada tahun 1350 dilintasilah Selat Gibraltar, dan setelah mengunjungi beberapa banyak kota-kota, akhirnya ia sampai di Granada, sebagaimana yang dinyatakannya “ibu kota dari Andalusia dan permata dari segala kota-kotanya. Daerah sekitar kotanya tidak ada tandingannya di seluruh dunia, yang meliputi suatu daerah yang besarnya empat puluh batu, di selang-seli oleh sungai yang terkenal Shāmīl (atau Sinnīl) dan beberapa sungai-sungai yang lain. Kebun-kebun bunga dan buah-buahan, lapangan-lapangan, puri-puri, mahligai-mahligai dan kebun-kebun anggur mengelilingi Granada pada segenap jurusan. Salah satu daripada tempat-tempat yang terindah ialah tempat yang dinamakan sumber air mata: Tempat itu ialah sebuah bukit yang diliputi oleh taman-taman bunga dan kebun-kebun buah-buahan; tidak ada sebuah kota yang lain yang dapat membanggakan suatu pemandangan yang indah sedemikian itu.”

Maka adalah di dalam bingkai alam yang seindah inilah terdapat istana Al-Hambra (Al-Hamrā') yang menguasai kota itu – salah sebuah tempat-tempat pemandangan yang terindah di dunia. Al-Hambra telah didirikan sebagai sebuah istana yang diperbentengi dan di dalam bahasa Arab ertinya: “Istana Merah”; Benteng ini terdiri terutama dari Alcazaba (al-Qaṣbah), bahagian yang tertua dari benteng itu dan Alcazar (Al-Qaṣar), istana itu sendiri. Di dalam lingkungan Alcazar itu kita berjalan dari suatu halaman ke lapangan



Istana Al-Hambra yang terletak di bandar Gharnāṭah (Granada) ialah bekas peninggalan kerajaan Islam yang memerintah di Spain selama delapan kurun lebih. Gambar ini menunjukkan Dewan Singa yang dibuat daripada batu marmar di dalam Istana Al-Hambra.

yang lain silih berganti – lapangan singa-singa, halaman pohon-pohon dan lain – tiap-tiap lapangan itu saling bersaing satu sama lain di dalam hal gilang-gemilangnya. Di situ, dalam istana, telah disatukan dan dikumpulkan semua keistimewaan yang cemerlang berkenaan dengan ilmu pembangunan istana orang-orang Islam – relung-relung yang berpotong-potongan ladam, rangkaian turus yang lemah gemalai bentuknya, tingkap-tingkap yang berpotongan busur dan yang paling penting di atas segala-galanya itu ialah perhiasan lukisan istana yang sangat sempurna sulit selok-beloknya. Perhiasan yang berpotongan sarang madu, atau yang dinamakan “kubah (qubah) stalaktit” yang terdapat di atas langit-langit istana itu, teristimewa pada ruangan yang dinamakan ruangan dua saudara dan di dalam

bilik¹ yang berdekatan dari itu yang dinamakan Mirador de Lindaraja – suatu mercu pandangan yang sangat bagus dan ajaib, sememangnya ialah suatu keistimewaan keahlian yang utama. Cara budaya-budaya ini dihias, dilukis-lukis dan diatur banyak terdapat persamaannya dengan kubah-kubah – kipas dari Gothik-gothik Inggeris, yang mana sangat boleh jadi tertarik wahyu keahlian dari sumber-sumber ini.

Di sebelah belakang dari Istana Al-Hambra itu terletak monumen-monumen yang lainnya, di Granada, diperbuat dengan keahlian Arab – (dalam bahasa Arab *Jannatu al-'Arif*, Taman Kebijaksanaan). Di sini terdapat bunga-bunga mawar, pohon-pohon salam, pohon-pohon Cypress berjenis-jenis dan berbagai-bagai

¹ perkataan tidak jelas dalam teks asal

corak, tetapi sedemikian kedatangan dan lemah gemalainya², sehingga kita merasa, juga sehingga dewasa ini, seakan-akan kita berada di dalam sebuah taman suatu yang istimewa.

Seville mencapai puncak ketinggian dari kuasanya dan gilang-gemilangnya di dalam abad yang kesepuluh, yang mana masa itu ialah zaman kota-kota Islam yang besar di Sepanyol. Cordoba ketika itu telah melewati puncak ketinggiannya pada abad yang telah silam, dan kegemilangan Granada yang permulaan, masih belum sampai lagi. Dalam zaman ini kekayaan Islam meluas ke sebelah utara lebih deras lagi dari dahulunya. Kota Seville sendiri menjadi sebuah pusat yang besar berkenaan dengan ilmu pengetahuan dan kesenian; kota itu terutama telah masyhur dengan alat-alat mozek yang diperbuat di situ. Daripada keindahan-keindahan bangunan-bangunan gedungnya dan contoh-contoh yang utama masih ketinggalan lagi ialah Menara Giralda dan Alcazar. Asalnya Menara Giralda itu ialah menara dari sebuah masjid yang utama di Seville, yang didirikan pada abad yang kedua belas dan sudah terkenal di dalam hal berkenaan dengan sejarah bangunan-bangunan istana. Ada alasan-alasan yang kuat yang boleh dipercayai, bahawa satu pelopor dari menara – loceng atau *campanile* yang terdapat pada gereja-gereja Itali, ditiru dari bangunan ini. Pengaruh ini juga diikuti di seluruh Eropah sehingga ke gereja-gereja Warren di London.

Alcazar itu (dari perkataan Arab al-Qaṣar, ertinya, mahligai, Puri) juga serupa keistimewaannya, meskipun hanya dari bahagian-bahagiannya yang tua sahaja, yang termasuk pada pembangunannya pada abad yang kedua belas yang diselenggarakan oleh orang-orang Arab (dan orang-orang Islam yang lain terutama dari orang-orang Barbar – P. Q.) bahagian yang lain dari istana itu, meskipun sebahagian besarnya didirikan umumnya dalam bentuk yang sama, tetapi sebenarnya

telah disiapkan di dalam abad-abad setelah jatuhnya kota Seville dari tangan orang-orang Arab pada tahun 1248. Lagi satu keistimewaan seni lukis dan perhiasan bangsa Arab (dan orang-orang Islam yang lain) yang gemilang kita jumpai dengan mewahnya di sini ialah jubin-jubin yang dilukis yang sangat banyak dipergunakan dan dipakai di Seville. Contoh-contoh ini di Seville dan Granada, dari warisan peninggalan bangsa Arab di Sepanyol adalah di antara beberapa bekas peninggalan kebudayaan Islam, akan tetapi kebudayaan itu adalah cemerlang dalam buaatannya dan sangat berharga untuk dipelajari dan dijunjung tinggi.

Sudah terbit!

Pengajian

KESAH PELAYARAN

ABDULLAH MUNSHI

di-susun sa-mula oleh:

E D R U S

Harga \$2.50 sa-naskhah

tambah belanja pos (register) 40 sen

di-terbitkan oleh:

Q A L A M

² dalam teks asal dieja 'gemulainya'